

Rx Sahaja

STERILE EO

AQUACEL™
Foam

ARAHAN PENGGUNAAN

Busa AQUACEL™ Ag pelekat dan bukan pelekat Pembalut busa Hydrofiber™ dengan perak

PENERANGAN PRODUK

AQUACEL™ Ag pembalut busa pelekat dan bukan pelekat, merupakan rangkaian pembalut luka busa Hydrofiber™ steril yang terdiri daripada lapisan poliuretana luar kalis air dan pad penyerap berbilang lapisan, dengan pembalut pelekat yang mempunyai sempadan pelekat silikon. Pad penyerap berbilang lapisan mengandungi lapisan busa poliuretana dan lapisan sentuhan luka bukan tenunan Hydrofiber (natrium karboksimetilselulosa). Lapisan sentuhan luka Hydrofiber pembalut mengandungi 1.2 % w/w perak ionik.

Perak di dalam pembalut membunuh spektrum luas bakteria luka yang terdapat di dalam pembalut. Pembalut ini menyerap jumlah bendalir luka dan bakteria yang banyak dan mencipta gel yang lembut dan melekit yang melekat rapat kepada permukaan luka, mengekalkan persekitaran yang lembap dan membantu dalam pengeluaran tisu tidak berdaya hidup dari luka (debridmen autolitik) tanpa merosakkan tisu yang sihat. Persekitaran yang lembap diketahui akan menyokong proses penyembuhan tubuh. Lapisan filem luar menyediakan sekatan kalis air, viral dan bakteria yang melindungi luka daripada kontaminan luar. Filem Ini juga membantu untuk menguruskan transmisi wap kelembapan eksudat yang diserap oleh pembalut.

Rangkaian pembalut pelekat mempunyai sempadan silikon yang menyediakan lekatan yang kemas, mesra kulit.

Pembalut busa AQUACEL Ag boleh digunakan sebagai pembalut pertama atau kedua. Ia boleh digunakan secara bersendirian atau secara gabungan dengan produk penjagaan luka yang lain dan boleh dipotong mengikut bentuk dan saiz, seperti yang

1727673

Dikeluarkan: 2019-05

diarahkan oleh pakar kesihatan. Jika pembalut pelekat dipotong, pita tambahan mungkin diperlukan untuk menempatkannya dengan kemas. Pita tambahan, atau penetapan cara lain, akan diperlukan untuk mengemaskan pembalut bukan pelekat busa AQUACEL Ag di tempatnya.

Filem pembalut pelekat busa AQUACEL Ag bertindak sebagai sekatan kepada bakteria dan virus.

Pembalut busa AQUACEL Ag mengandungi perak sebagai pengawet untuk mencegah atau meminimumkan pertumbuhan mikrob di dalam pembalut.

INDIKASI

Pembalut busa AQUACEL Ag boleh digunakan untuk pengurusan kedua-dua luka kronik dan akut, seperti:

- Luka terbakar ketebalan separa (darjah kedua);
- Ulser kaki diabetik, ulser kaki, (ulser stasis vena, ulser arteri dan ulser kaki etiologi campuran) dan ulser/kudis tekanan (ketebalan sebahagian & penuh);
- Luka pembedahan;
- Luka traumatik;
- Luka yang mudah berdarah, seperti luka yang telah dikeluarkan secara mekanikal atau pembedahan dan tapak penderma;
- Melecut;
- Pelecatan;
- Luka kecil;
- Melecur dan luka terbakar kecil.

KONTRAIKASI

Pembalut busa AQUACEL Ag tidak seharusnya digunakan ke atas individu yang sensitif kepada atau mempunyai tindak balas alergi kepada pembalut atau komponennya.

LANGKAH BERJAGA-JAGA DAN PEMERHATIAN

Amaran: Kesterilan adalah dijamin melainkan jika beg telah rosak atau dibuka sebelum penggunaan.

Peranti ini hanya untuk penggunaan tunggal sahaja dan tidak boleh digunakan semula. Penggunaan semula boleh menyebabkan peningkatan risiko jangkitan atau pencemaran silang. Sifat fizikal peranti mungkin tidak lagi optimum untuk kegunaan yang dimaksudkan.

Pembalut luka ini tidak seharusnya digunakan dengan produk penjagaan luka yang lain tanpa terlebih dahulu merujuk kepada pakar kesihatan.

Semasa proses penyembuhan biasa badan, tisu tidak berdaya hidup boleh dikeluarkan (debridmen autolitik) dari luka, yang boleh membuatkan luka akan kelihatan lebih besar selepas beberapa penukaran pembalut pertama.

Sekiranya anda melihat kerengsaan (kemerahan, keradangan), maserasi (pemutihan kulit) atau hipergranulasi (pembentukan tisu berlebihan), rujuk pakar kesihatan.

Luka perlu diperiksa semasa penukaran pembalut untuk (1) tanda jangkitan (Kesakitan meningkat, pendarahan, kepanasan/kemerahan tisu sekeliling, eksudat luka, (2) terdapat perubahan dalam warna luka dan/atau bau, (3) sebarang gejala tidak dijangka (cth. maserasi atau hipergranulasi).

Pembalut boleh digunakan pada luka yang dijangkiti hanya di bawah penjagaan pakar kesihatan.

Penggunaan pembalut busa AQUACEL Ag pelekat dan bukan pelekat belum pernah dikaji dalam luka yang disebabkan oleh herpes simpleks atau impetigo.

Walaupun ia telah diperhatikan bahawa produk tertentu yang mengandungi perak boleh menyebabkan penyahwarnaan kulit berikutan penggunaan berpanjangan, kajian klinikal dengan produk yang mengandungi teknologi Hydrofiber dengan perak ionik telah menunjukkan tiada penyahwarnaan sedemikian.

Selain itu, untuk ulser kaki, (ulser stasis vena, ulser arteri dan ulser kaki etiologi campuran) dan ulser diabetes, ulser/kudis tekanan, ketebalan sebahagian (luka terbakar darjah kedua), tapak penderma dan luka pembedahan, traumatik yang dibiarkan untuk sembuh melalui intensi primer dan sekunder.

- Rawatan jenis luka yang disenaraikan di atas hanya boleh dilakukan di bawah pengawasan daripada seorang pakar kesihatan.
- Langkah sokongan yang sesuai perlu diambil di mana dinyatakan (cth. penggunaan pembalut mampatan berperingkat dalam pengurusan ulser kaki vena atau langkah pelepasan tekanan dalam pengurusan ulser/luka tekanan, antibiotik sistemik dan pemantauan kerap dalam rawatan jangkitan luka, kawalan glukosa darah untuk ulser diabetik, dll.).

- Dalam luka terbakar ketebalan separa (darjah kedua), pertimbangkan prosedur alternatif (pembedahan) jika luka belum diepithelialias semula selepas 14 hari.
- Penjajahan luka kronik adalah perkara biasa dan bukannya kontraindikasi kepada penggunaan pembalut.
- Pembalut busa AQUACEL Ag pelekat dan bukan pelekat telah ditentukan sebagai MR-Safe mengikut istilah yang dinyatakan dalam American Society for Testing and Materials (ASTM) International, Jawatan: *F2503-08. Amalan Standard untuk Menandakan Peranti Perubatan dan Item Lain untuk Keselamatan di Persekitaran Resonans Magnetik.*

ARAHAN PENGGUNAAN

1. Jika kantung produk steril rosak, jangan gunakan.

2. Persediaan dan Pembersihan Tapak Luka:

Sebelum mengenakan pembalut, bersihkan kawasan luka dengan pembersih luka yang sesuai dan keringkan kulit di sekelilingnya.

3. Persediaan dan Penggunaan Pembalut:

- a. Pilih saiz dan bentuk pembalut untuk memastikan pad penyerap pusat (kawasan di dalam tettingkap pelekat), adalah 1cm (1/3 inci) lebih besar daripada kawasan luka.
- b. Keluarkan pembalut dari pek steril, meminimumkan hubungan jari dengan permukaan luka dan permukaan pelekat di mana berkenaan. Tanggalkan pelapik pelepasan jika menggunakan pembalut pelekat.
- c. Pembalut boleh dipotong mengikut bentuk yang sesuai.
- d. Pegang pembalut di atas luka dan luruskan bahagian tengah pembalut dengan bahagian tengah luka. Letakkan pad terus di atas luka. Bagi pembalut pelekat, ratakan sempadan pelekat.
- e. Pembalut atau pita pengekalan yang sesuai perlu digunakan untuk mengemaskan pembalut di tempatnya jika pembalut tidak mempunyai sempadan pelekat atau jika pembalut pelekat telah dipotong.
- f. Bagi lokasi anatomi yang sukar dibalut, seperti tumit atau sakrum, pembalut pelekat yang dibentuk khas boleh digunakan.
- g. Buang mana-mana bahagian produk yang tidak digunakan selepas membalut luka.

4. Pembuangan Pembalut:

- a. Pembalut perlu ditukar seperti dinyatakan secara klinikal. (Iaitu kebocoran, pendarahan, kesakitan meningkat, rasa syak mengenai jangkitan). Masa pakai disyorkan maksimum ialah sehingga tujuh hari.
- b. Luka perlu dibersihkan pada selang yang sesuai.
- c. Untuk membuang pembalut, tekan ke bawah dengan lembut ke atas kulit dan dengan berhati-hati angkat satu sudut pembalut. Teruskan sehingga semua sisi telah bebas. Secara berhati-hati angkat keluar pembalut dan buang mengikut protokol klinik tempatan.

Simpan pada suhu bilik (10° C - 25° C/50° F - 77° F). Lindungi daripada cahaya. Pastikan kering.

Sekiranya maklumat atau panduan lanjut diperlukan, sila hubungi Perkhidmatan Profesional ConvaTec atau lawati kami di www.convatec.com.

Dibuat di UK

© 2019 ConvaTec Inc.

®/™ menunjukkan tanda dagangan ConvaTec Inc. AQUACEL, logo AQUACEL dan Hydrofiber merupakan tanda dagangan berdaftar di Amerika Syarikat.



Jangan Guna Semula



Batas suhu



Nombor lot



Amaran



Lindungi daripada cahaya



Baca Arahan Penggunaan



Disterilkan dengan Etilena Oksida



Tarikh Tamat Tempoh



Tidak Mengandungi Lateks Getah Asli



Pengilang



Jangan guna jika Bungkusan Rosak



Nombor katalog



Pastikan Kering



MR Safe – item yang tidak mengandungi bahan bahaya yang diketahui dalam semua persekitaran MR



Wakil yang diberi kuasa